

Model Pengkayaan Insan Berdasarkan Metrik Faktor Kecemerlangan Dari Profil KIR

Nur Azuki Yusuff

nurazuki@umk.edu.my

Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Universiti Malaysia Kelantan

ABSTRAK

Kejayaan mengkayakan insan dalam pelbagai sudut adalah impian semua dengan beberapa strategi yang telah dilakukan kebanyakan institusi. Masalahnya ialah mencari alternatif terbaik ke arah tersebut. Justeru, penulis turut sama mengambil inisiatif mengenalpasti metrik mengkayakan insan serta mengetengahkan model tindakan secara bersepadu dan berkelompok dalam usaha tersebut. Kaedah penganalisan profil ketua isi rumah (KIR) digunakan bagi mencerna metrik faktor kecemerlangan yang diperolehi dari hasil kajian iaitu jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Melalui wawancara eksklusif dan dokumentasi pula, penulis berjaya membina model berupa manual prosedur kerja. Model Pengkayaan Insan (MPI) diuji secara simulasi dan disahkan oleh kumpulan diskusi berfokus JPPK. Model ini perlu dipraktikkan secara imperik bagi memperkasakan usaha ini.

Kata kunci: model pengkayaan insan; matrik factor kecemerlangan; jasmani; emosi; rohani; intelektual

Human Enrichment Model Based on Excellence Metric Factors from KIR Profile

ABSTRACT

The success of enriching humans in various angles is the dream of all with some of the strategies being undertaken by most institutions. The problem is finding the best alternative in that direction. Thus, the same authors also took the initiative to identify and highlight the metric enriching human action model for integrated and clustered in the effort. The method of analysis of household head profiles (KIR) is used to digest metric factors of excellence which come from the research which are in aspects of physical, emotional, spiritual and intellectual. Through exclusive interviews and documentation, the researcher managed to build a model in the form of manual working procedures. The Human Enrichment Model (MPI) was tested in the manner of simulation and validated by the JPPK focused discussion group. This model needs to be imperically practiced to empower this effort.

Keywords: human enrichment model; matic factor of excellence; physical; emotional; spiritual; intellectual

PENGENALAN

Kejayaan mengkayakan insan dalam semua sudut secara menyeluruh dan bersepadu impian semua. ‘Model Pengkayaan Insan’ sebagai tajuk kertas kerja ini bermaksud model cadangan secara aplikasi dan prosedur kerja bagi menambahkan kekayaan ketua isi rumah miskin dalam usaha membasmi kemiskinan secara menyeluruh, bersepadu dan konfrehensif.

Manakala ‘Metrik Faktor Kecemerlangan Dari Profil KIR’ bermaksud beberapa elemen utama yang menjadi kayu ukur atau instrument utama faktor ke arah kejayaan. Metrik tersebut diambil berdasarkan profil yang pernah diperolehi dari kajian sebelum ini dengan ketua isi rumah (KIR) miskin.

PERNYATAAN MASALAH

Keperluan untuk negara mencapai kadar kemiskinan 2% seperti yang dirancang dalam RMK-10 serta matlamat Model Ekonomi Baru agar rakyat memiliki pendapatan tinggi dan berterusan. Secara gambaran awal, penulis tidak melihat kemiskinan hanya dalam bentuk ekonomi dan kadar pendapatan, kerana ia saling berkait dengan keseluruhan gaya hidup komuniti miskin.

Justeru, strategi konfrehensif perlu dibina. Berdasarkan dapatan kajian sebelum ini, antara aktiviti yang paling utama ialah berusaha meningkatkan jatidiri diri keagamaan, kerohanian dan nilai sivik, seterusnya mengenalpasti dan membasmi golongan yang menyalahgunakan ‘Status Miskin’ sebagai peluang mendapat bantuan. Institusi pemberi bantuan perlu meneruskan program sedia ada dengan mengfokuskan kepada sumber manusia dan perkhidmatan sosial. Di samping penyediaan peluang pekerjaan di kawasan setempat berhampiran kependudukan, kerajaan perlu meningkatkan agihan perbelanjaan negara dan membangunkan kemudahan infrastruktur di kawasan mudah miskin. Selain itu pendidikan nilai dan keyakinan diri minoriti miskin juga mesti ditingkatkan (Azuki, Haron & Aziz, 2014).

OBJEKTIF KAJIAN

Permasalahan yang timbul rentetan dari pendekatan yang digerakkan ialah perlunya dilihat semula versi baru profil kemiskinan yang lebih efektif. Antara objektif yang ingin diketengahkan ialah:


1. Menyatakan Metrik faktor kritikal untuk kejayaan mengkayakan insan (golongan miskin) keluar daripada kepompong kemiskinan.
2. Mencadangkan model manual prosedur kerja baru yang lebih spesifik.

Kajian-Kajian Lepas

Sebelum ini penulis telah membentangkan satu kajian di bawah Jabatan Pembangunan Persekutuan Negeri Kelantan (JPPK) 2014 dan 2015 berkaitan profil kemiskinan di Kelantan. Masalah yang mengekalkan minoriti miskin tidak keluar dari kepompong kemiskinan ialah: rendahnya tahap pendidikan. Disokong dengan kenyataan Zulkifli Osman (2010), Chapman & Harding (1985) dan Psacharopoulos & Patrinos (2004). Masalah lain ialah sikap kurang berusaha (malas) dengan budaya ‘subsidi’ dalam kalangan masyarakat dan Kurang Penghayatan Agama. Ia disokong oleh data dari Dr Abdullah Sudin (2005) dan laporan Dato’ Azman Abdul Rashid bekas pengarah JPPK (2005) bahawa golongan tidak miskin lebih kerap solat di masjid dan membaca al-Quran berbanding golongan miskin di Kelantan. Mereka kurang kesedaran dan kefahaman konsep syukur dengan penerimaan rezeki dan wujud sikap


mementingkan diri sendiri apabila melibatkan pilihan keutamaan agihan pendapatan. Mereka juga rendah tahap motivasi diri (Azuki, Haron & Aziz, 2014).

Mengambil kira metrik faktor kejayaan, berdasarkan penelitian dokumentasi dan pengamatan, jelas bahawa metrik untuk kejayaan golongan miskin menghayakan diri adalah tidak terfokus. Walaupun metrik sudah difikirkan sebelum ini namun ia wujud secara terpisah dan fokus profil masih tertumpu kepada punca fizikal dengan alasan ia mudah diukur. Rujuk model berikut:



RAJAH 1. Ilustrasi Model Penampakan Metrik Faktor Kejayaan (Azuki, Haron & Aziz, 2014)

Berdasarkan kaedah sebelum ini, menampakkan kecerakinan komponen metrik kepada dua kelompok iaitu jasmani, intelektual dan kemahiran dan kelompok nilai, rohani dan emosi. Model Polisi pembangunan pembasmian Kemiskinan juga terfokus kepada unsur atau metrik fizikal dan nilai, sebagaimana model berikut:



RAJAH 2. Ilustrasi Model Penampakan Polisi Pembangunan Pembasmian Kemiskinan (Azuki, Haron & Aziz, 2014)

Model polisi pembangunan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan ke atas golongan miskin di Kelantan masih boleh dipertingkatkan. Ianya merujuk kepada impak bantuan diukur dari dua sudut iaitu pemilikan fizikal/material dan budaya dan status. Peningkatan kualiti hidup penerima bantuan masih di tahap rendah. (Azuki, Haron & Aziz, 2014) Kajian terdahulu yang dibentangkan memberi petunjuk kedudukan sosio ekonomi terpilih yang sama (Azman, 1999).

Polisi pembangunan sedia ada boleh dimantapkan bagi meningkatkan taraf hidup golongan miskin melalui kerjaya usahawan dan mengurangkan budaya kebergantungan. Kelansungan bantuan kursus kemahiran masih perlu di samping pengisian motivasi, inisiatif memberi bantuan dan peningkatan produktiviti. Semua pihak perlu mengfokuskan isu


mendapatkan khidmat sokongan berbanding melayani karenah sikap 'defensif' penerima bantuan yang merendahkan nilai personaliti diri berusaha mengekalkan status miskin agar layak menerima sebarang bantuan (Azuki, Haron & Aziz, 2014). Berdasarkan semua dapatan sebelum ini, model bersepadu perlu diketengahkan bagi memudahkan pelaksanaan.

METODOLOGI KAJIAN

Bagi mencapai objektif pertama, metrik dihasilkan melalui kaedah pemerhatian dan dokumentasi. Soal selidik juga dilakukan untuk memperkasakan profil data dari ketua isi rumah miskin di Kelantan untuk memantapkan metrik. Daripada sejumlah 11,391 populasi sebenar ketua isirumah (data E-Kasih dan laporan daripada JPPK, 25 Oktober 2015) seramai 1003 KIR dipilih.

Latar responden KIR kajian ini ialah di Kelantan. Kaedah Pengumpulan data profil bagi menampakkan metrik dijalankan dalam dua fasa iaitu; Fasa Pertama Pemerhatian dan Fasa Kedua Penyelidikan secara kaji selidik. Fasa pertama merupakan fasa permulaan bagi keseluruhan kajian. Kajian yang dilakukan mempunyai dua peringkat iaitu pengumpulan data-data sekunder dan pemecahan golongan kemiskinan. Peringkat pertama adalah untuk menilai data-data kemiskinan yang diperolehi dan seterusnya melakukan kaji selidik. Unit analisis kaji selidik ini bertujuan memecahkan golongan kemiskinan iaitu golongan yang bersedia keluar dari garis kemiskinan, golongan yang enggan keluar dari garis kemiskinan dan golongan bermasalah dalam garis kemiskinan. Pemerhatian peringkat kaji selidik ini adalah menilai sikap, emosi, fizikal dan budaya seseorang. Usaha ini adalah untuk pengenalpastian individu tersebut diletakkan dalam kategori golongan mana. Hasil daripada fasa pertama tersebut akan dianalisis dan digunakan sebagai asas pembangunan soalan-soalan soal selidik untuk fasa kedua.

Model manual prosedur kerja bagi objektif kedua pula dibina berdasarkan dialog balairaya ringkas berpandukan kumpulan diskusi berfokus. Setelah mengenalpasti komponen metrik faktor kritikal untuk kejayaan. Tahap seterusnya memperincikan kepada fokus golongan yang enggan/tegar keluar dari garis kemiskinan. Pembinaan instrumen yang menggunakan data empirikal adalah mengikut prosedur berikut: Penggunaan teknik berskala bagi rekabentuk soal selidik yang menggunakan skala nominal dan skala Likert diperlukan dalam hal ini. Data-data yang diperolehi melalui kawal selia secara individu turut digunakan bagi mendapatkan maklum balas yang terperinci. Penggunaan *Partial Least Squares* bertujuan melihat item soal selidik dalam bahagian-bahagian pemboleh ubah manakah yang amat mempengaruhi, mempengaruhi dan kurang mempengaruhi yang menjawab kepada domain dan indikator kajian.



RAJAH 3. Model Struktur Instrumen Soal Selidik


HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Metrik Faktor Kritikal Untuk Kejayaan Insan, Keluar Daripada Kemiskinan

Berdasarkan penelitian dokumentasi dan pengamatan, jelas bahawa dapatan atau hasil kajian awal berkaitan metrik untuk kejayaan adalah komponen jasmani, emosi, rohani dan intelektual. Walaupun ianya sudah difikirkan sebelum ini namun ia wujud secara terpisah dan fokus profil masih tertumpu kepada punca fizikal dengan alasan ia mudah diukur. Ianya mengambilkira model ilustrasi kaedah lama/sedia dalam Rajah 1 sebelum ini yang menampakkan kecerakinan komponen metrik.

Gambaran corak pendefinisian kerangka kemiskinan baru ini diperolehi dengan mengambilkira isu fizikal dan nilai juga. Penjelasan sebagaimana berikut; Jasmani= Kemiskinan fizikal, material, kewangan dan *hardskills*. (HQ), Emosi = Kemiskinan kehendak (hieraki kemahuan), motivasi, sikap, aspirasi (EQ). Rohani = Kemiskinan hidup beragama (tawakal, qada', qana'ah) (SQ). Intelektual= Kemiskinan ilmu, *softskills*, kematangan dan perancangan strategik (IQ).

Rajah 4 menjelaskan bagaimana susunan metrik yang dihasilkan mampu berhubung langsung dengan semua aktiviti dalam usaha pengkayaan insan daripada profil ketua isi rumah (KIR).



RAJAH 4. Struktur Metrik JERI dan Hubungannya dengan aktiviti Pengkayaan Insan

Bagi menjawab isu bagaimana pengukuran profil metrik jasmani, emosi, rohani dan intelektual boleh menyelesaikan miskin tegar sehingga mereka terkeluar dari zon miskin tegar, berdasarkan pengamatan, berikut adalah beberapa indikator yang berkaitan:

- a. Tahap kemampuan ilmu dan kognitif (contohnya sijil pengajian/kemahiran, kemampuan 4M: membaca, mengira, menulis, memahami)
- b. Tahap kesedaran sivik, kerohanian dan agama (contohnya kekerapan disabitkan kesalahan undang-undang, kekerapan menerima bantuan, kemampuan menjelaskan konsep qada' dan qadar bagi muslim, konsep redha dan tawakal)
- c. Tahap kemampuan menyelesaikan masalah tanpa dibantu (kendali diri). Semakin tinggi tahap diri semakin terbuka peluang pemutihan.

Pengekalan pengukuran metrik JERI mampu melestarikan perkembangan pendapatan dan tahap kemahiran guna tenaga.

Model Pengkayaan Insan Berupa Manual Prosedur Kerja Baru Yang Lebih Spesifik

Berdasarkan metrik JERI tadi, penulis memaparkan kesan bantuan program pembasmian miskin tegar kepada penerima bantuan melalui medan; Ukuran tahap ekonomi, pembangunan diri (social well being), dan pembangunan sikap (ketergantungan, agama, perasaan malu, pola fikir (kognitif)). Justeru, ianya tidak hanya sekadar ukuran perkembangan pendapatan dan kemampuan mengurus kewangan. Begitu juga tidak sekadar mengetahui kemampuan kendali diri dengan kemahiran guna tenaga. 3 Sistem iaitu; pengenalpastian kumpulan penerima bantuan, jenis bantuan Jasmani, Emosi, Rohani dan Intelektual dan kaedah kawalan pengurusan pemutihan pastinya ada cadangan penambahbaikan yang diketengahkan oleh peserta e-kasih.

Beberapa Cadangan Yang Diambilkira Dalam Membina Model: Cadangan penyelesaian dan pendekatan yang lebih spesifik merujuk kepada bantuan, sistem kawalan dan pentadbiran sedia ada. Sebahagian besar sudah memenuhi pencapaian yang diinginkan pihak kerajaan. Namun, semakan dan penilaian semula adalah keperluan bagi tangani isu berbangkit. Beberapa cadangan diambilkira:

Cadangan Informen/Peserta E-Kasih

Cadangan mengikut **urutan keutamaan**; Memberi kemahiran dan latihan, mengadakan program yang berkesan, pemantauan berkala, bantuan secara berterusan, bantuan dari segi yang pelbagai, soal selidik dan kajian tentang tahap kemiskinan diteruskan, beri bantuan mesin, memberikan khidmat nasihat, penambahbaikan rumah, menampung modal dan cadangan terpencil seperti keperluan motosikal roda 3 untuk mengisi kelapa.

Walaupun pengkaji meminta idea terbaik cadangan penambahbaikan program, sayangnya mereka masih mencadangkan aktiviti rutin yang sudah biasa dilaksanakan. Tapi yang bernasnya ketua isirumah memohon agar bantuan yang menepati keperluan untuk mereka keluar dari garis kemiskinan perlu diselidiki dengan baik sesuai dengan kebolehan mereka. Begitu juga pemantauan berkala yang lebih kerap dilakukan bagi tujuan disiplin mereka.

Cadangan lain seperti modal kewangan, barang keperluan, peralatan dan bantuan anak sekolah. Bahkan ada yang menegaskan apabila senang di dunia barulah selesa untuk beribadat. Seolah-olah ada prasyarat untuk beribadat bahawa "Tuhan kena bagi senang dan selesa dahulu".

- Sebahagian besar tidak bersetuju bantuan hanya bersifat khidmat nasihat/kaunseling.
- Bantuan pendidikan, program kerohanian tetap sentiasa perlu dijalankan sebagai tuntutan bersama.
- Cadangan umum berkaitan program keagamaan. Tiada bentuk khusus yang diketengahkan.

Cadangan Kumpulan Pakar

Cadangan Kumpulan pakar (pengamal industri, kepimpinan masyarakat, pengkaji dll.) adalah dengan 3 pendekatan;

Pendekatan pertama mengambilkira kluster sumber pendapatan adalah sebagaimana berikut:

1. Kumpulan Pertanian: Dua pendekatan utama ialah mengekalkan sistem bantuan sediaada pelbagai agensi dan keduanya memantapkan sistem pengawasan dan ganjaran. Contohnya aplikasi kawalan kredit dan penalti. Kawalan bencana (penurunan harga, penyakit dan cuaca) perlu dipandang serius.
2. Kumpulan Penternakan: Pendekatan terbaik ialah kawalan penternakan berkelompok dengan mewujudkan pusat ternakan sehenti. Sistem pawahan juga baik untuk jaminan kerjaya di samping mengoptimalkan kumpulan kerja professional bidang penternakan.
3. Kumpulan Perikanan: Peningkatan industri berasaskan sumber perikanan perlu dengan inovasi baru. Ia dimantapkan dengan kajian pasaran dan pengkomersialan. Galakan mewujudkan industri berkelompok dan sistem pengeluaran yang produktif.
4. Kumpulan Buruh dan bergaji: Kumpulan ini perlu diberi perhatian dari sudut mempelbagaikan bidang kerjaya, saringan bakat dan potensi perlu berselari dengan peluang kerjaya. Penglibatan dalam sektor pembinaan perlu dipantau oleh agensi berkaitan agar nasib mereka terbela.
5. Kumpulan Peniaga dan Penjaja Kecil: Mereka sering menjadi mangsa ketidakstabilan ekonomi dan polisi pihak berkuasa. Justeru ruang dan peluang perlu dibuka sebaiknya, terutama kepada usahawan berdaya saing dalam kalangan generasi baru/muda dari senarai e-kasih dan masyarakat kebanyakan. Pelbagai pihak perlu mengambil peranan membantu mereka.

Pendekatan kedua mengambilkira keutamaan berikut:

1. Pengenalpastian kumpulan miskin berulang dan yang enggan keluar dari garis kemiskinan supaya boleh diwujudkan kumpulan tindakan yang boleh menyelesaikan masalah mereka secara berkelompok.
2. Semakan semula modul pemantapan dan pengisian kerohanian dan emosi/motivasi/jihad miskin dari sudut keberkesanan agar boleh selaraskan oleh pihak tertentu yang lebih profesional bagi tujuan pelaksanaan dan pengukuran impak.
3. Penyenaraian peserta e-kasih dan kaedah pemutihan boleh dimantapkan dengan sistem pemantauan/pengukuran berskala kualitatif dengan mengambilkira pengamatan jasmani, emosi, rohani dan intelektual.
4. Mengambilkira kejayaan pelaksanaan pembasmian kemiskinan oleh pelbagai agensi lain dari semua sudut. Dalam maksud perlu kajian impak kaedah sedia ada.

Manakala pendekatan ketiga melalui komponen JERI iaitu:

1. JASMANI; Beri bantuan dan pemantauan yang berterusan sehingga 3 tahun Supaya ketua isirumah mampu berdikari seterusnya berjaya keluar dari kemiskinan
2. EMOSI; Pertemukan ketua isirumah dengan personaliti yang telah berjaya mengubah diri dan keluarga Ketua isirumah lebih bersemangat dan bersungguh-sungguh dalam usaha mengubah diri jadi lebih baik
3. ROHANI; Libatkan ketua isirumah dalam majlis ilmu di surau/masjid Agar ketua isirumah lebih bersyukur serta menggunakan bantuan yang diberi sepenuhnya

4. INTELEK; Adakan lawatan sambil belajar sebagai pendedahan serta kursus untuk mengasah bakat sedia ada. Supaya ketua isirumah berupaya berinovasi dan berjaya menerusi minat dan kepakaran mereka

Berdasarkan kedua-dua cadangan (informen dan kumpulan pakar) serta 3 pendekatan tadi, strategi umum pembasmian kemiskinan berdasarkan matrik faktor kritikal kejayaan (critical success factor) perlu menjayai proses yang dikemukakan.

Cadangan Kumpulan Pengkaji

Kumpulan kerja tetap (INTI), penyelidik bersekutu dan penyelidik bersama mencadangkan strategi bersepadu lain dengan mengambilkira 4 langkah ringkas:

1. Pembinaan profil baru

- a. Membina dan mengenalpasti Taksonomi Kesediaan (Willingness Taxonomi). Pengukuran pola pemikiran dan lain-lain. Ianya dapat membantu proses agihan bantuan seterusnya.

JADUAL 1. Taksonomi Kesediaan dibantu

1	Mudarat sekiranya dibantu	-
2	Tidak boleh dibantu	-
3	Dibantu dengan syarat	Ada agen pembantu komuniti (ankle)
4	Sedia dibantu	Mudah Miskin
5	Perlu dibantu	Miskin
6	Amat perlu dibantu	Fakir

- b. Kemestian membina skala pengukuran JERI dengan melihat penilaian potensi daripada analisis SWOT.

JADUAL 2. Contoh Kuadran Analisis Faktor Dan Cadangan Strategi Bagi Sektor Pertanian Di Bachok.

Strengths: pemilikan tanah dan faktor geografi. Tanah subur.	Weaknesses: amnya paling rendah penilaian JERI, terutamanya dari sudut rohani, intelektual dan tahap pendidikan, ukuran emosi baik namun jasmaninya sederhana. Begitu juga rendah kekuatan luaran/ekstrinsik dan dalaman/instrinsik.
Opportunities: Mendapat perhatian baik / menyeluruh dari pelbagai agensi.	Threats: bergantung sepenuhnya kepada bantuan agensi dan paling tinggi sikap enggan keluar dari garis kemiskinan.

- i. Perunding: Kajian lanjutan di lapangan.
- ii. Peserta: Pengkelasan kumpulan:
- Potensi keluar garis miskin
 - Potensi tingkat sumber daya
 - Lemah dan kurang upaya
- iii. Pemberi bantuan: Mengekalkan sistem bantuan sediaada pelbagai agensi dan memantapkan sistem pengawasan dan ganjaran. Contohnya aplikasi kawalan kredit dan penalti. Kawalan bencana (penurunan harga, penyakit dan cuaca)
- #### **2. Cadangan pelaksanaan Baru**
- a. Pendefinisian semula 'miskin tegar' kepada fakir. Disebabkan istilah 'tegar' khusus untuk individu atau komuniti yang memang terlalu payah bahkan tiada harapan berubah. Manakala 'fakir' sememangnya memiliki had pendapatan di bawah miskin, namun dari sudut usaha keluar dari kemiskinan/kefakiran boleh diperkasakan.
- b. Pembahagian empat kategori manusia, iaitu

- i. kaya harta, kaya jiwa
- ii. miskin harta, miskin jiwa
- iii. kaya harta, miskin jiwa
- iv. miskin harta, kaya jiwa

Bagi yang miskin harta, penyelesaiannya berbeza antara kategori 3 dan 4. (Prof Dr. Muhammad Syukri Salleh, 2003)

Peringkat pembinaan profil baru ini perlu dijayakan terlebih dahulu sebelum ke peringkat seterusnya. Pihak berkuasa pusat dan agensi di bawahnya bertanggungjawab merangka penjenamaan semula *profiling* ini.

3. Rancangan Strategi

- a. Pemantapan penghayatan SDL (Self Directed Learning).
- b. Menggunakan pendekatan Normatif; iaitu merawat pesakit, bukannya penyakit. Ianya berfokus kepada subjektif sebab merawat pesakit itu sendiri.
- c. Affiliate System; melihat kepada 3 pihak (orang kaya, keluarga miskin dan agensi) Prospek orang kaya/berkemampuan akan dipilih untuk membantu orang miskin melalui agensi untuk dipertanggungjawabkan. Orang ke tiga itu kemudiannya akan melalui penilaian prestasi.
- d. Ankle system. Membina rangkaian perniagaan sehenti dengan syarat mesti Ligalyze/menghalalkan/diperakukan sistem pengamalannya.

Peringkat kedua ini boleh dijayakan oleh agensi pelaksana mahupun agensi perunding dan kumpulan kerja sosial. Perancangan strategi yang pelbagai masih boleh dibangunkan dalam pelbagai metod. Ia mengambilkira kajian kes bagi setiap tempat, sektor pekerjaan dan demografi penduduk, terutama apabila melakukan pemetaan sosial dan ekonomi.

Dalam usaha pembasmian kemiskinan kini, peringkat ini perlu diperkasakan lagi dan ruangnya masih terbuka.


4. Pelaksanaan Tindakan

- a. Work Based Processing: (Shukor Kasim, 2000)
 - i. Pilih/latih ke arah niat jitu
 - ii. Bina Smaller group (5 orang). Tiada hubungan keluarga
 - iii. Bagi pengisian JERI/ weekly meeting, seperti usrah
 - iv. Force saving. Paling minima rm1 setiap minggu.
 - v. Berteraskan dakwah ekonomi seperti pendidikan dalam pengamalan sistem mikro kredit.
- b. Kecerdasan Kerohanian dan emosi (spiritual and emotional quotient). Contoh perumpamaan “Jangan Beri Ikan, tapi beri kail” perlu ditambah baik dengan betul iaitu “Beri prinsip dan nilai hidup”, seterusnya kemahiran menangkap ikan. Akhir sekali, dia dapat banyak ikan dengan pukut, jala, bubu dan pelbagai kaedah lagi”
- c. Smart Living/Pintar Kehidupan. Urus bekalan/kewangan. Tambah baik perumpamaan “Kais pagi makan pagi. Kais petang makan petang” Apa salahnya kais banyak-banyak simpan, buat stok dan boleh niaga pula.
- d. Sistem Ganjaran dan Habuan dalam gesaan. Reward, Reinforcement and Redemption system.

Peringkat terakhir ini hanya membariskan usaha yang pernah dilaksanakan. Namun pemantapan pengisian CSF iaitu komponen JERI perlu dipenuhi dalam diri komuniti miskin tegar bagi mengelakkan masalah ‘tegar’ dan budaya subsidi berulang.

Kesemua langkah utama ini sebahagian besar ideanya sudah dilaksanakan. Namun langkah bersepadu yang lebih memberi impak perlu difikirkan semula dan direalisasikan secara bersama. Pengkaji cuba memudahkan penekanan alternatif berdasarkan model ke 6 prosedur kerja baru di sebelah.


Rumusan awal, model perlu diwujudkan ke arah capaian faktor kritikal kejayaan (CSF) iaitu JERI. Prosedur kerja awal pembinaan profil baru menjadi prasyarat utama langkah kejayaan. Ia mesti dijayakan terlebih dahulu.



RAJAH 5. Model Am Prosedur Kerja 3 Langkah Membasmi Kemiskinan

RUMUSAN

Bagi memudahkan kefahaman, penulis mengklafisikasikan prosedur kerja mengikut capaian jasmani, emosi, rohani dan intelektual secara bersepadu merujuk kepada dapatan model metrik sebelum ini sebagaimana berikut:



RAJAH 6. Model Prosedur Kerja Rancangan Strategi dan Pelaksanaan CSF JERI

CADANGAN SIMULASI MODEL

Keseimbangan peningkatan komponen jasmani, emosi, rohani dan intelektual amat perlu walaupun Informen kebanyakan meyakini pembasmian kemiskinan berlaku dengan peningkatan aspek jasmani dan intelektual sahaja. Informen menjelaskan impak keberkesanan projek yang sedang dan telah dijalankan wujud, namun perlu berlaku penambahbaikan oleh semua pihak agensi, diri sendiri, keluarga dan masyarakat. Justeru aktiviti bersepadu kerohanian secara praktikal dan peningkatan emosi perlu disokong oleh kesemua pihak terutamanya individu miskin, terutama berkaitan Self Directed Learning, pendekatan normatif, sistem affiliate dan ankle serta lain-lain strategi berkesan yang bakal dibangunkan.

KESAHAN DATA

Kandungan dapatan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Fokus Group Program Pembasmian Kemiskinan di Bilik Gerakan, Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan (30 Oktober 2014, kertas bil.2/10/2014) dan diperakui tanpa sebarang teguran kesalahan. Begitu juga dengan hasil kajian lanjutan yang diluluskan Mesyuarat Fokus Group 1 dan 2/2015 (26 Februari 2015) dibentangkan pada 29 Mac 2016. Perbincangan dapatan juga turut dikongsi dalam laporan kajian bersama NGO Yayasan Sejahtera.

PENGHARGAAN

Dedikasi kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan yang memberi dana penyelidikan. YM Tengku Mahkota dan YM Tengku Temenggong Kelantan yang memperkenankan usaha ini. semua ahli Kumpulan Kerja Tetap (INTI), ahli bersekutu InsPeK UMK, penyelidik bersama dari UiTM, UnisZA, UMT dan LKIM serta semua agensi dalam Mesyuarat Fokus Group Pembasmian Kemiskinan Negeri Kelantan (KESEDAR, KADA, JKM, YKK, MARA, KKLW, JKOA, LKIM, UMK, ECERDC, JKNK, JPNK, Jabatan Pendaftaran Negara, MARDI, FELCRA, JPV, LPP, RISDA, FAMA, KEMAS, JKR, Jabatan Perikanan Negeri, Lembaga Perindustrian Nanas Negara, GIATMARA, KPWK, Jabatan Audit Negeri, TEKUN dan Jabatan Pertanian Negeri) yang mengesahkan hasil kajian.

RUJUKAN

- Abdullah Sudin DKK (2005), *Profil Kemiskinan di Negeri Kelantan*, Institut Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersilan Universiti Teknologi Mara
- Azuki, Haron Daud dan Abdul Aziz Latif (2014) Laporan Kajian Kemiskinan Penduduk Negeri Kelantan 2014, Universiti Malaysia Kelantan.
- Azuki, Rosdi (2015), Laporan Awal (Fasa 1) Projek Penyelidikan Profiling Kemiskinan Negeri Kelantan (Bagi Jajahan Bachok), Jabatan Pembangunan Persekutuan negeri Kelantan.
- Azuki, Rosdi (2016), Laporan Projek (Penyelidikan) Profiling Kemiskinan Negeri Kelantan 2015, Universiti Malaysia Kelantan.
- Azman bin Abdul Rashid (1999), *Kedudukan Sosioekonomi Kelantan-Kini dan Menjelang Alaf Baru*, Kongres Ekonomi Kelantan Menjelang Alaf Baru, Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan dan Institut Penyelidikan dan Pengajian Strategik Kelantan.
- Chapman, B. J. and Harding, J. R. "Sex Differences in Earnings: An Analysis of Malaysian Wage Data." *The Journal of Development Studies* 21, no. 3 (April 1985): 362-76
- George Psacharopoulos & Harry Anthony Patrinos, 2004. "Returns to investment in education: a further update," *Education Economics*, Taylor & Francis Journals, vol. 12(2), hlm. 111-134.

- Muhammad Syukri Salleh (2003). *7 Prinsip Pembangunan Berteraskan Islam*, Kuala Lumpur: Zebra Editions dan Pulau Pinang: Projek Pengurusan Pembangunan Islam (IDMP), Universiti Sains Malaysia
- Shukor Kasim, (2000) *Impact of Banking on Rural Poor in Peninsular Malaysia; Final Report of External Impact Evaluation Study on AIM Active Borrowers, Non-Borrowing members, Dropout and Non-Participating Poor*, Penang: Centre for Public Policy Research University Sains Malaysia
- Zulkifli Osman (2010), *School of Housing, Building and Planning*, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia
http://etegar.kelantan.gov.my/portal_system/statistik.php

PENULIS

Nur Azuki Yusuff (PhD) ialah Profesor Madya di Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan. Beliau berkepakaran dalam bidang Sains Kemasyarakatan, Pengajian Islam, Sejarah dan Peradaban. Beliau pernah memegang jawatan sebagai Ketua Unit Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan UMK.